

15/10/2003

Dunia Islam ketinggalan dalam S&T

Nurul Hazren Masitom

SITUASI bidang sains dan teknologi (S&T) dalam dunia Islam ibarat satu malapetaka, kata Ketua Penyelaras Jawatankuasa Kerjasama Sainifik dan Teknologi OIC (Comstech), Prof Dr Atta-ur-Rahman, untuk menggambarkan betapa jauhnya umat Islam ketinggalan dalam menghasilkan ciptaan baru dan melahirkan ahli teknologi.

Negara Islam ketika ini terutama negara Arab, katanya membelanjakan sehingga tujuh peratus daripada hasil Keluaran Negara Kasar (KNK) untuk pertahanan tetapi hanya kurang 0.2 peratus bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam S&T berbanding negara lain yang membelanjakan antara dua hingga tiga peratus KNK untuk tujuan itu.

Justeru, beliau mencadangkan penubuhan Tabung R&D dengan sumbangan dananya diperoleh daripada 0.1 peratus KNK 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) untuk memastikan sebuah pusat kecemerlangan S&T dapat diwujudkan di kalangan negara Islam.

"Dengan adanya tabung ini, sebuah pusat kecemerlangan S&T dapat diwujudkan di kalangan anggota pertubuhan pan-Islam seterusnya menghasilkan pakar S&T bertaraf dunia," katanya dalam Persidangan OIC Mengenai S&T yang berlangsung dari 7 hingga 10 Oktober lalu.

Bagaimana negara Islam perlu bertindak untuk meninggikan martabat bidang S&T? Prof Atta-ur-Rahman yang juga Pengerusi Suruhanjaya Pendidikan Tinggi Pakistan, berkata perkara utama adalah kemahuan politik yang tinggi, diikuti dasar dan strategi untuk tujuan pembiayaan.

"Negara Islam mestilah mempunyai komitmen politik pada peringkat tinggi supaya pelaburan dalam S&T menjadi pilihan utama dan akan menjadi tunjang dalam pembangunan negara.

"Dalam negara Islam kita biasanya tidak tegas terhadap apa yang ingin dilakukan, dan dalam hal ini kemahuan politik itu mestilah ditunjukkan dalam peruntukan bajet tahunan oleh pemimpin negara anggota OIC," katanya.

Situasi sama turut berlaku di negara Asia dan Afrika. Oleh itu setiap pemimpin perlu bangkit dan bekerjasama tetapi mestilah mempunyai perancangan bijak.

"Dunia Islam perlu membuat perubahan dengan menggunakan sepenuhnya sumber manusia supaya dalam tempoh 15 hingga 20 akan datang pusat kecemerlangan bertaraf dunia dapat dibangunkan dalam pelbagai bidang termasuk matematik, kimia, biologi, sains gunaan, kejuruteraan, bioteknologi, farmaseutikal, teknologi maklumat dan sebagainya.

"Dengan kerjasama daripada seluruh umat Islam dari segi sumber manusia dan bahan, pembangunan ummah akan dapat dicapai," katanya.

Mengulas cabaran dunia Islam dalam bidang S&T, Pengerusi Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Ahmad Zaharudin Idrus, berkata terdapat tiga elemen yang perlu difokuskan kerana ia masih menjadi kelemahan utama umat Islam iaitu kekurangan pelaburan dalam modal insan, S&T dan kepantasan dalam menerima teknologi.

"Saya ambil contoh Taiwan, mereka mengaplikasikan ketiga-tiga elemen berkenaan dan mempunyai kepantasan dalam teknologi serta pada masa sama menghasilkan usahawan muda seiring perkembangan dalam bidang S&T," katanya.

Katanya, kepantasan teknologi adalah penting kerana ia bergerak seiring masa dan sekiranya ketinggalan agak sukar untuk berpatah balik tetapi perlu bekerja keras untuk menyainginya.

"Islam tidak menghalang umatnya untuk mengejar akhirat tetapi perlu

seiring dengan keperluan duniawi kerana kejayaan sesebuah negara pada masa sekarang diukur berdasarkan keupayaan untuk menguasai bidang S&T," katanya.

Katanya, Malaysia bertuah kerana sejak dua dekad lalu kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyedari kepentingan bidang itu dengan memasukkannya sebagai sebahagian daripada agenda pembangunan negara.

Malaysia ketika ini membelanjakan 0.5 peratus KNK dalam S&T dan bercadang untuk meningkatkannya kepada 1.5 peratus menjelang 2010 selaras dengan peningkatan empat kali ganda bilangan penyelidik, saintis dan jurutera daripada 35,000 pada masa ini.

Dalam persidangan kali ini, perkara utama yang ditekankan oleh setiap penceramah adalah pendidikan di peringkat awal bagi membuka mata anak-anak terhadap pemikiran kritis dan logik serta berkaitan sains dan kehidupan.

Presiden Philadelphia University, Jordan, Prof Adnan Badran, mencadangkan pendidikan S&T terhadap anak-anak bermula seawal usia tiga tahun dan ke atas dengan menekankan kepentingan subjek Matematik dan Sains Hayat dalam usaha menggalakkan mereka berfikir logik.

"Tidak dilupakan adalah disiplin dan etika untuk memupuk semangat kerjasama bagi mengikis sikap individualistik yang biasanya wujud terutama di kalangan masyarakat Arab," katanya.

Beliau juga mencadangkan Dr Mahathir memperuntukkan dua hingga tiga tahun akan datang selepas bersara untuk berkongsi pengalamannya dengan negara Islam lain bagi memajukan ummah di seluruh dunia.

Korea Selatan, walaupun bukan negara Islam sudi berkongsi pengalamannya dengan negara anggota OIC bagaimana ia bangkit daripada sebuah negara miskin yang dilanda konfrontasi dengan Korea Utara, peperangan, krisis ekonomi dan minyak, menjadi salah sebuah negara gergasi dalam S&T dalam tempoh 50 tahun.

Presiden Hoseo University dan Pengerusi Institute for Science, Technology and Society, Korea Selatan, Prof Kun Mo Chung, berkata untuk maju dalam S&T, pemimpin memainkan peranan utama selain berazam melupakan pengalaman pahit lalu akibat peperangan dan sebagainya bagi mengubah nasib hidup.

"Anda di Malaysia juga bertuah di bawah kepemimpinan Dr Mahathir yang memberi keutamaan terhadap pembangunan teknologi," katanya.

Fungsi wanita dalam S&T tidak kurang pentingnya dan mereka juga adalah golongan yang perlu diberi semangat dan galakan untuk menceburi bidang itu dengan lebih serius.

Seperti kata Presiden Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO), Prof Datuk Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, wanita memainkan peranan kritikal dalam sektor kekeluargaan yang mana kebanyakan masyarakat moden pada hari ini bergantung kepada pendapatan wanita untuk meneruskan hidup.

"Kurangnya galakan daripada keluarga dan peluang pekerjaan terhad adalah faktor yang menyebabkan wanita tidak berminat mendalami bidang S&T dan bukannya faktor tidak layak dari segi akademik. Justeru persepsi ini perlu diubah untuk membuka ruang lebih luas kepada golongan ini," katanya.

Islam juga bukan satu agama yang sempit, sebaliknya sentiasa mengingatkan umatnya bahawa 'Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum itu jika mereka sendiri tidak berusaha untuk mengubahnya'. Begitu juga dengan kehidupan, jika S&T dapat mengubah nasib ummah, maka kita harus melakukannya.